

Headline	PEMERAN FOTOGRAFI LENSA RENCAM UUM-UTUSAN MALAYSIA		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	15 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	783 cm ²
AdValue	RM 17,485	PR Value	RM 52,456



PEMERAN FOTOGRAFI LENSA RENCAM UUM-UTUSAN MALAYSIA

MODUL TERSEBUT YANG PERTAMA KALI DIBUAT UNTUK PESERTA PERINGKAT UNIVERSITI BAGI MEMBERI PENDEDAHAN UNTUK PESERTA PROGRAM BERSAMA JURUFOTO LENSA RENCAM SUPAYA MEREKA DAPAT BERKONGSI PENGETAHUAN FOTOGRAFI SECARA LANSUNG.

PROGRAM mentor mentee diperkenalkan di mana para peserta diberi penerangan secara terus oleh mentor masing-masing.

SATU modul baharu berbentuk mentor mentee diperkenalkan dalam wacana perkongsian ilmu fotografi dan industri yang disusun pasukan Lensa Rencam ketika mengadakan Bengkel dan Pameran Fotografi Lensa Rencam Universiti Utara Malaysia (UUM)-Utusan Malaysia di Sintok, Kedah minggu lalu.

Modul tersebut yang pertama kali dibuat untuk peserta peringkat universiti, bertujuan memberi pendedahan kepada peserta program untuk bersama jurufoto kumpulan Utusan Melayu supaya mereka dapat berkongsi pengetahuan tentang fotografi secara lansung. Beberapa kumpulan kecil dibentuk untuk melakukan beberapa tugas mengikut tajuk-tajuk tertentu di bawah bimbingan jurugambar yang bertindak sebagai mentor.

Modul ini dilihat dapat memberi kefahaman yang lebih mudah kepada peserta. Sebelum itu peserta mengikuti forum yang mengupas topik fotografi sebagai wadah penyatuan komunikasi selain beberapa bual bicara mengenai isu fotografi pada masa kini. Antara topik yang diikuti oleh para peserta dalam modul mentor mentee adalah *bulb*, *Silhouette*, *perspektif*, *close-up*, *modeling*, *sukan*, *pemalukan* (*reflection*), *fesyen* dan sebagainya.

Mereka perlu menghasilkan tugas secara berkumpulan bagi memupuk semangat berpasukan dan pengurusan fotografi secara berkesan. Program tersebut disertai lebih 150 pelajar dan petugas dari UUM serta beberapa orang peserta jemputan dari Universiti Sains Malaysia Kubang Krian, Kelantan dan Universi Malaysia Perlis (Unimap).

Bengkel yang bertemakan perkongsian ilmu ini telah dirasmikan dan ditutup oleh Dekan Pusat Pengajian Multimedia dan Komunikasi UUM, Dr. Norsiah Abdul Hamid. Beberapa pertandingan fotografi secara individu dan berkumpulan turut diadakan di mana hadiah telah ditaja oleh syarikat pegerangan produk kosmetik Wardah D Kota Beauty,

Nikon Malaysia dan Ammena Productions.

"Objektif dan bengkel ini diadakan berjaya dicapai melalui kerjasama dengan kumpulan Utusan dan kami berharap kerjasama sebegini dapat diteruskan terutama berkaitan bidang keilmuan dan industri multimedia seperti ini," ujar beliau dalam ucapan penutupnya. Sementara itu beberapa orang

peserta turut melahirkan rasa gembira kerana penceramah dari *Lensa Rencam* dapat berkongsi teknik fotografi dalam pelbagai bidang.

Antaranya adalah fotografi sukan, studio, pemberitaan semasa dan penulisan berita disamping berkongsi pengalaman ketika membuat liputan baik di dalam dan luar negara.



DEKAN Pusat Pengajian Multimedia dan Komunikasi UUM, Dr. Norsiah Abdul Hamid (duduk kiri), Ketua Jabatan Komunikasi UUM,

Dr. Mohd Khairie Ahmad (duduk kanan) dan Ketua Jabatan Teknologi Multimedia UUM, Dr. Mohd Sobhi Ishak (duduk tengah) ketika menjadi panel pertandingan fotografi yang diadakan.



PARA peserta dan kakitangan UUM bergambar bersama anggota *Lensa Rencam* dan penaja pada Bengkel dan Pameran Fotografi Lensa Rencam UUM-Utusan Malaysia yang diadakan di UUM, Sintok, Isnin lalu.